

e-BuletinUiTMCM Citra



| UiTM Cawangan Melaka

ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE 94

#SEP
eBuletinUiTMCM /22
Vol..09 -September



Sorotan menarik bulan September :



Pencapaian Cemerlang UiTMCM
100% bagi Petunjuk Prestasi 2022



UiTMCM Berjaya ke Peringkat
Final KIK 2022



Istiadat Konvokesyen UiTM ke 94



Citra e-Buletin Rasmi Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
Terbitan Kesembilan - September 2022

Diterbitkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah Melaka

No. Tel : 06-5582000
No Faks : 06-5582001

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka terlebih dahulu.

PENAFIAN :

Sebarang maklumat yang terkandung dalam majalah ini merupakan pengetahuan dan pendapat peribadi penulis artikel. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pandangan profesional sebelum mengikuti mana-mana maklumat dalam majalah ini. Pihak universiti, penerbit dan sidang redaksi tidak akan bertanggungjawab dan menanggung sebarang risiko atas kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

eISSN : 2785-8049
Perpustakaan Negara Malaysia
Majalah ini diterbitkan setiap bulan
©2022 Hakcipta Terpelihara

Isi Kandungan

e-BuletinUiTMCM



| UiTMCM

Pendahuluan

Dari Meja Ketua Editor

6

Program Universiti

7

Bantuan makanan kepada Institut Pengajian Tinggi (IPT) Negeri Melaka disaksikan oleh Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan 2022, Pelancaran

Buku dan Kayuhan Kemerdekaan

8

Kayuhan Kemerdekaan ke IPT sekitar Melaka anjuran Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

9

Perbincangan Intelek bersama Prof. Dr. Abd. Al-Fattah El Awaisi berasal dari Palestin dan pengasas Projek Tamadun Pengetahuan Antarabangsa Baitul Maqdis (Fellow of the Royal Historical Society – UK)

10

Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Teknologi MARA dan Sekolah Tinggi Agama Islam Natuna, Riau, Indonesia

11

Program Khidmat Masyarakat Menanam Pokok Waqaf Dusun Ilmu (WADI), UiTM Melaka

12

Majlis Ramah Mesra dan Taklimat Penubuhan Askar Wataniah UiTM Cawangan Melaka

13

Memorandum Persefahaman (MoU) diantara Universiti Teknologi MARA dan Sekolah Tinggi Agama Islam Miftahul Ulum Tanjungpinang, Kepulauan Riau, Indonesia

14

Album Istiadat Konvokesyen ke -94 UiTM (UiTM Cawangan Melaka

15-20

Selamat Datang YBhg. Profesor Dr. Mohamad Hariri Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni) atas Lawatan Kerja Ke UiTM Cawangan Melaka

21

Lawatan Kerja dan Sesi Jelajah TNC ICAN UiTM, YBhg. Prof. Dr. Mohamad Hariri Hj Abdullah ke UiTM Cawangan Melaka

22

Majlis Penutup Program Kepimpinan Organisasi Islam serta Perasmian Muamalat Student Association (MuSA), Diploma Muamalat

23

Majlis Penutup Program Kepimpinan Organisasi Islam serta Perasmian Muamalat Student Association (MuSA), Diploma Muamalat

24

Program Khidmat Masyarakat 3.0 UiTM Kampus Bandaraya Melaka bertempat di SK Pahang Tua, Pekan, Pahang

25

Isi Kandungan

e-BuletinUiTMCM



| UiTMCM

Program ASEAN Classroom 2022 (ACL 2022)	26
Memorandum Persefahaman (MoU) diantara Universiti Teknologi MARA dan Asosiasi Dosen Akauntansi, Indonesia	27
Kunjungan hormat daripada Pusat Zakat Pulau Pinang (PZPP)	28
Ucapan Tahniah, Kejayaan & Pencapaian Warga Universiti	30-34
Belasungkawa	36
Salam Takziah - Allahyarham Dr. Arshad Hashim	37
Siri Webinar/Bengkel	38
Siri Bengkel & Webinar Universiti	39-40
Artikel/Liputan Media	41
UiTM Melaka Cemerlang Raih Perak	42
"Pemasaran Sampah" Eksplorasi wanita rentap nilai adab sopan	42
Trend bercuti ke Thailand, luar negara jejas nilai ringgit	43
Perkukuh perpaduan, kedaulatan Keluarga Malaysia	43
Waspada kartun animasi ada unsur LGBT	44
Kreatif guna media social gilap bakat usahawan	44

Sidang
Redaksi
e-BuletinUiTMCM



Cawangan Melaka



Ketua Editor
Akmal bin Adanan



Editor Buletin
Azniza binti Hasan



Editor Buletin
Hasnor Zura binti Hashsim



Editor Buletin
Khalidah Hadibah binti
Md Khalid



Editor Buletin
Suraini binti Mohammad



Editor Grafik
Hail Jefri bin Rusli



Isi kandungan
Anwar Farhan bin
Zolkeplay



Isi kandungan
Nur Hidayah binti
Zaini



Isi kandungan
Norazimah binti
Mat



UiTMCM Telegram
channel



Dapatkan maklumat-maklumat
Universiti dari Telegram rasmi



Sila imbas kod di atas
untuk ke "Channel
STAF UiTMCM"



Sila imbas kod di atas
untuk ke "Channel
PELAJAR UiTMCM"

Dari Meja

KETUA EDITOR



Dari Meja Ketua Editor,

Assalamualaikum WBT dan Salam sejahtera. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan keizinan-Nya dapat kami menerbitkan e-Buletin **Citra** - Vol.9 UiTM Cawangan Melaka (UiTMC) bagi bulan September 2022 ini.


e-Buletin edisi kali ini melaporkan program-program universiti antaranya Istiadat Konvokesyen ke 94 UiTM, Lawatan Kerja YBhg. Professor Dr. Mohd Hariri Abdullah ke UiTM Cawangan Melaka dan pelbagai lagi program lain.

Semoga segala hebahan maklumat di dalam buletin ini dapat dijadikan bahan dan rujukan buat semua warga kampus.

Sekian, terima kasih.

Akmal Adanan

Ketua Unit Komunikasi Korporat



Program-program Universiti

Bantuan makanan kepada Institut Pengajian Tinggi (IPT) Negeri Melaka disaksikan oleh Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan 2022, Pelancaran Buku dan Kayuhan Kemerdekaan



AYER KEROH, 30 Ogos 2022 - YB Senator Datuk. Mohd Ridhwan Bin Mohd Ali telah menyampaikan bantuan makanan kepada Institut Pengajian Tinggi (IPT) Negeri Melaka disaksikan oleh Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan 2022, Pelancaran Buku dan Kayuhan Kemerdekaan bertempat di Universiti

Teknikal Malaysia Melaka.YBhg. Rektor, Prof Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini menerima bantuan makanan mewakili UiTM Cawangan Melaka dalam majlis berkenaan. Selain itu, 4 buah IPT turut menerima bantuan food bank daripada Tuan Yang Terutama iaitu UTEM, UniKL MICET, Universiti College Agroscience Malaysia (UCAM), dan Universiti Melaka (UNIMEL).

Kayuhan Kemerdekaan ke IPT sekitar Melaka anjuran Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)



ALOR GAJAH, 1 September 2022 - Telah berlangsung Kayuhan Kemerdekaan ke IPT sekitar Melaka anjuran Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Kayuhan sejauh 121km itu menjadikan UiTM Cawangan

Melaka sebagai destinasi pertama persinggahan peserta untuk sesi ramah mesra dan bergambar bersama Rektor, YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini dan Pengurusan Eksekutif UiTMC.

Perbincangan Intelek bersama Prof. Dr. Abd. Al-Fattah El Awaisi berasal dari Palestin dan pengasas Projek Tamadun Pengetahuan Antarabangsa Baitul Maqdis (Fellow of the Royal Historical Society – UK)



Alor Gajah, 6 September 2022 – Telah berlangsung perbincangan intelek bersama Prof. Dr. Abd. Al-Fattah El Awaisi berasal dari Palestin dan pengasas Projek Tamadun Pengetahuan Antarabangsa Baitul Maqdis (Fellow of the Royal Historical Society – UK) bertempat di bilik mesyuarat utama UiTM Cawangan Melaka. Seramai 20 orang peserta terdiri daripada pensyarah Fakulti Perakaunan, Fakulti Pengurusan Perniagaan dan ACIS UiTM Cawangan Melaka telah menyertai program ini. Kata-kata aluan telah disampaikan oleh Dr. Nur Hayati Abd

Rahman selaku Timbalan Rektor, Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri UiTM Cawangan Melaka. Lawatan Akademik ini dianjurkan oleh Fakulti Perakaunan yang diketua oleh Pn.Yang Chik Johari dengan kerjasama Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri UiTM Cawangan Melaka dan Sukarelawan Haluan Malaysia bertujuan memberi ruang perbincangan intelektual berkaitan penyelidikan serta memperkenalkan kajian berkaitan Baitul Maqdis yang telah banyak di pelopori oleh Prof Dr. Abd Al-Fattah El-Awaisi.

Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Teknologi MARA dan Sekolah Tinggi Agama Islam Natuna, Riau, Indonesia



MELAKA, 12 September 2022 – Universiti tersebut juga turut disaksikan oleh Teknologi MARA dan Sekolah Tinggi Agama Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) Islam Natuna, Riau, Indonesia, hari ini telah UiTMCM, Ketua Pusat Pengajian FPHP dan memeterai satu Memorandum pengurusan tertinggi Universiti. Antara Persefahaman (MoU) yang diadakan secara dalam talian di YouTube UiTM Cawangan Melaka. MoU ini telah ditandatangani oleh YBhg Rektor, Prof Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi bin Zaini mewakili YBhg. Professor Datuk Naib Canselor dan H. Umar Natuna S. Ag., M. Pd.I. selaku Ketua Sekolah Tinggi Agama Islam Natuna, Riau, Indonesia. Majlis

kerjasama yang telah dipersetujui dan diharapkan melalui MoU ini adalah memberi bantuan kepakaran dalam membantu pihak UiTM Melaka dalam melaksanakan program-program seperti bengkel pembangunan produk pelancongan islamik, perkongsian kepakaran dari setiap institusi rakan kongsi.

Program Khidmat Masyarakat Menanam Pokok Waqaf Dusun Ilmu (WADI), UiTM Melaka



Program Khidmat Melaka, Profesor Madya Ts. Masyarakat Menanam Pokok Dr. Mohd Rasdi Zaini Waqaf Dusun Ilmu (WADI), berkenan merasmikan UiTM Melaka, 'Bakti di Dunia' program ini disaksikan Tn Hj dan Saham Akhirat' di kebun Ab Rahim Bin Tawel, WADI UiTM Melaka pagi Pengurus Pusat Aktiviti Tadi. YBhg rektor UiTM

MELAKA, Pn. Noor Hayati Abu Kassim, Timbalan Ketua Pustakawan, PTAR UiTM Cawangan Melaka , dan En. Muaz Mohd Noor, Koordinator Unit EL - WAZIF UiTM Cawangan Melaka.

Majlis Ramah Mesra dan Taklimat Penubuhan Askar Wataniah UiTM Cawangan Melaka



ALOR GAJAH, 14 September 2022 Majlis para Pengurusan Eksekutif UiTM Cawangan ramah mesra dan taklimat penubuhan askar wataniah UiTM Cawangan Melaka telah diadakan pada 14 September 2022 bersama Rejimen 514 Askar Wataniah Kem Bukit Beruang Melaka. Rejimen 514 Askar Wataniah Kem Bukit Beruang, Melaka bertempat di Bilik Mesyuarat Utama UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah. Antara objektif penganjuran majlis ini diadakan adalah untuk memberikan perincian dan gerak kerja pelaksanaan latihan pasukan askar wataniah UiTM Cawangan Melaka kepada Pegawai Kehormat serta Pegawai-pegawai dari Rejimen 514 Askar Wataniah Kem Bukit Beruang Melaka. Disamping itu majlis taklimat ini juga adalah untuk merapatkan hubungan silaturrahim, menambahkan pengetahuan secara perkongsian ilmu disamping merupakan platform untuk bertukar-tukar kemahiran, minat serta menyemai semangat kerjasama antara pegawai ATM dengan pengurusan UiTM Cawangan Melaka.

Memorandum Persefahaman (MoU) diantara Universiti Teknologi MARA dan Sekolah Tinggi Agama Islam Miftahul Ulum Tanjungpinang, Kepulauan Riau, Indonesia



MELAKA, 15 September 2022 – Satu Memorandum Persefahaman (MoU) diantara Universiti Teknologi MARA dan Sekolah Tinggi Agama Islam Miftahul Ulum Tanjungpinang, Kepulauan Riau, Indonesia telah dimeterai secara dalam talian di YouTube UiTM Cawangan Melaka.

MoU ini telah ditandatangani oleh YBhg Rektor, Prof Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi bin Zaini mewakili YBhg. Professor Datuk Naib Canselor dan Drs. H. Amir Husin, M.M. selaku Ketua Sekolah Tinggi Agama Islam Miftahul Ulum Tanjungpinang, Kepulauan Riau, Indonesia.

Album Istiadat Konvokesyen ke -94 UiTM (UiTM Cawangan Melaka)



Album Istiadat Konvokesyen ke -94 UiTM (UiTM Cawangan Melaka)



Album Istiadat Konvokesyen ke -94 UiTM (UiTM Cawangan Melaka)



Album Istiadat Konvokesyen ke -94 UiTM (UiTM Cawangan Melaka)



Album Istiadat Konvokesyen ke -94 UiTM (UiTM Cawangan Melaka)



Album Istiadat Konvokesyen ke -94 UiTM (UiTM Cawangan Melaka)





The image shows a portrait of Profesor Dr. Mohamad Hariri Abdullah. He is a middle-aged man with grey hair and a beard, wearing a brown blazer over a black shirt. He is standing with his hands clasped in front of him against a blurred background of a building with arches.

Cawangan Melaka

Selamat Datang

**YBhg. Profesor Dr.
Mohamad Hariri Abdullah**
Timbalan Naib Canselor
(Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni)

atas lawatan kerja ke
UiTM Cawangan Melaka

daripada

Rektor
Pengurusan Eksekutif
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka

#KeluargaUiTM

[www.melaka.utm.edu.my](#) | **UiTM Cawangan Melaka**

Lawatan Kerja dan Sesi Jelajah TNC ICAN UiTM, YBhg. Prof. Dr. Mohamad Hariri Hj Abdullah ke UiTM Cawangan Melaka



ALOR GAJAH, 23 September En. Soo Yew Phong dan Seni Lukis & Seni Reka di 2022- Telah berlangsung urusetia. Program Bilik Mesyuarat Utama. Lawatan Kerja dan Sesi dimulakan dengan lawatan Seterusnya, YBhg. TNC serta Jelajah TNC ICAN UiTM, ke Kolej Pengajian Seni delegasi dibawa melawat ke YBhg. Prof. Dr. Mohamad Kreatif (KPSK), Kampus Alor empat hub inkubator KPSK Hariri Hj Abdullah ke UiTM Gajah diiringi barisan yang ada di UiTMCM, iaitu Cawangan Melaka. Delegasi penyelaras jabatan, staf dan inkubator bidang Grafik & disambut mesra oleh pelatih Graduate Media Digital (DICE), Timbalan Rektor Bahagian Employability Programme inkubator bidang Seni Halus Penyelidikan & Jaringan (GE) KPSK disertai taklimat (GAS), inkubator bidang Seni Industri, Dr. Nur Hayati Abd ringkas maklumat Reka Perindustrian (KONSEP) Rahman, Ketua Pusat perkembangan terkini & inkubator bidang Fotografi Pengajian Seni Lukis & Seni dalam aspek Jaringan & Pengimejan Kreatif Reka, Ts. Dr Nadzri Hj. Mohd Industri KPSK , Pengajaran (REFORM). Sharif, Koordinator ICAN, dan Pembelajaran

Majlis Penutup Program Kepimpinan Organisasi Islam serta Perasmian Muamalat Student Association (MuSA), Diploma Muamalat



ALOR GAJAH, 23 September 2022- Telah berlangsung Majlis Penutup Program Kepimpinan Organisasi Islam serta Perasmian Muamalat Student Association (MuSA), Diploma Muamalat telah diadakan pada 14 September 2022 yang disertai oleh para pelajar Diploma Muamalat, para pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) serta staf Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Melaka bertempat di Dewan Syura al-Mizan.

Antara objektif penganjuran program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar tentang peranan dan tanggungjawab dan nilai kepimpinan dalam berorganisasi serta melahirkan pemimpin yang mempunyai kekuatan jasmani, emosi, rohani dan intelektual dalam mencorakkan masa depan agama, bangsa dan negara. Terdapat pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang program bermula 12-14 September 2022.

Program Khidmat Masyarakat 3.0 UiTM Kampus Bandaraya Melaka bertempat di SK Pahang Tua, Pekan, Pahang.



PAHANG, 21 September 2022 - Telah Dr. Mohd Halim bin Mahphoth diiringi oleh berlangsung Program Khidmat Masyarakat Pengetua Sekolah Kebangsaan Pahang Tua 3.0 UiTM Kampus Bandaraya Melaka iaitu En. Mohd Imeran bin Ibrahim dan juga bertempat di SK Pahang Tua, Pekan, Ketua Projek Dr. Rizwan Abu Karim. Terima Pahang. Program ini merupakan projek kasih kepada semua yang terlibat anjuran Brotherhood KBM. SK Pahang Tua memberikan sumbangan wang, masa dan telah dipilih bagi program khidmat tenaga bagi program ini dan tidak lupa juga masyarakat kali ini. Sebuah Little Free kepada pengurusan Sk Pahang Tua serta Library telah disediakan dan satu program pelajar yang terlibat dalam menjayakan motivasi turut dijalankan di sekolah program khidmat masyarakat kali ini. tersebut. Majlis dirasmikan oleh Penolong Semoga program seperti ini dapat Rektor UiTM Kampus Bandaraya Melaka diteruskan lagi pada masa akan datang. iaitu

Program ASEAN Classroom 2022 (ACL 2022)



MELAKA, 25 September 2022 - Seramai 20 orang pelajar dari beberapa negara sekitar Asia Tenggara dan 6 orang pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia telah terlibat dalam program ASEAN Classroom 2022 (ACL 2022) anjuran Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Jabatan Undang-Undang, UiTM Melaka dengan kerjasama Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP), Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Majlis Perwakilan Pelajar, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan Unit Kebudayaan & Kesenian, UiTM

Kampus Bandaraya Melaka. Program yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Hazmi Rusli ini telah bermula pada 20 September 2022 di Kuala Lumpur, kemudiannya melawat Negeri Melaka. Aktiviti selama dua hari di Melaka ini dijalankan di UiTM Kampus Bandaraya Melaka dan sekitar Bandar Hilir. Program juga melibatkan pensyarah serta pelajar dan pelajar-pelajar dari UiTM Cawangan Melaka bagi melaksanakan aktiviti berkaitan pertukaran budaya dan lawatan universiti termasuklah sesi ceramah, dan perkongsian pengalaman silang budaya.

Memorandum Persefahaman (MoU) diantara Universiti Teknologi MARA dan Asosiasi Dosen Akauntansi, Indonesia



MELAKA, 28 September 2022 - Satu Memorandum Persefahaman (MoU) diantara Universiti Teknologi MARA dan Asosiasi Dosen Akauntansi, Indonesia telah dimeterai secara dalam talian di YouTube UiTM Cawangan Melaka. MoU ini telah ditandatangani oleh YBhg Rektor, Prof Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi bin Zaini mewakili YBhg. Professor Datuk Naib Canselor dan Dr. Arfan Ikhsan, Ketua Umum Asosiasi Dosen Akauntansi, Indonesia. Majlis tersebut juga turut disaksikan oleh Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)

UiTMC, Ketua Pusat Pengajian Fakulti Perakaunan dan pengurusan tertinggi Universiti. Antara kerjasama yang telah dipersetujui dan diharapkan melalui MoU ini adalah kerjasama dalam penganjuran seminar, konferensi, penyelidikan yang berkaitan dengan keperluan pelajar, kursus jangka pendek, penerbitan buku dan jurnal. Kerjasama ini dijangka dapat menjalin hubungan yang professional di antara kedua-dua belah pihak bagi memenuhi keperluan semasa dalam bidang kepakaran akademik masing-masing.

Kunjungan hormat daripada Pusat Zakat Pulau Pinang (PZPP)



ALOR GAJAH, 29 September 2022 - UiTM Rektor, KPP1. Taklimat pengurusan desa Cawangan Melaka telah menerima kelulut kemudiannya disampaikan oleh kunjungan hormat daripada Pusat Zakat Ustaz Khairul Nizam bin Mohamad Aziz, Pulau Pinang (PZPP) semalam dalam Penyelaras Endowmen Unit Keusahawanan lawatan Khidmat Nasihat Perundingan bagi manakala penerangan berkenaan Teja Program Usahawan Asnaf bagi Projek Honey UiTM Cawangan Melaka dikongsikan Ternakan Kelulut Di Zakat Pulau Pinang oleh Puan Zunaidah Ab Hasan dan Cik Delegasi Pusat Zakat Pulau Pinang diketuai Norajila Che Man. Para tetamu juga dibawa oleh Encik Mohamad Kairi bin Ghazali, ke Desa Kelulut UiTM Cawangan Melaka Timbalan Pegawai Eksekutif PZPP telah bagi melihat operasi madu kelulut secara disambut oleh YBhg. Rektor, Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini di Pejabat

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)



UCAPAN TAHNIAH, KEJAYAAN & PENCAPAIAN WARGA UNIVERSITI









(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)



BELASUNGKAWA



لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا يَحْمِلُنَا
Salam Takziah

Allahyarham Dr Arshad Hashim
Pesara UiTM/Mantan Rektor UiTM Cawangan Melaka

telah kembali ke rahmatullah
4 Safar 1444H | 1 September 2022

Semoga Allah SWT mencucuri rahmat ke atas roh Allahyarham
dan ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman

 **UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA** | Cawangan Melaka

Daripada:
Rektor, Pengurusan Eksekutif
serta seluruh warga UiTM Cawangan Melaka



Siri Bengkel / Webinar / Persidangan Universiti



 Cawangan Melaka

Sharing Session

KELAYAKAN PROFESSIONAL MALAYSIA BOARD OF TECHNOLOGIST (MBOT)

Penceramah
Ts. DR. NOR MASRI BIN SAHRI
Pensyarah Kanan FSKM
Head of Cybersecurity Research,
Education & Network Center
UiTM Cawangan Melaka

Penceramah
Ts. NUR ELIMTAZ BIN ABIDIN
Pensyarah FPP
UiTM Cawangan Melaka

22SEPT
2022
KHAMIS

9.00PG
HINGGA
12.00TGH

LIVE
WEBEX
CISCO

Anjuran
Unit for Curriculum Affairs and Academic Development (UCAAD)
Bahagian Hal Ehwal Akademik
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

 UCAAD TIMES

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)



Artikel / Liputan Media



Oleh MOHD. SHAZWAN YUSOP

SERAJAH! 1,200 ahli dan pegawai dari 14 kampus Universiti Teknologi Mara (UiTM) seharusnya mengertai Karnival Sukan Staf (Karistäf) di UiTM Terengganu, Campus Dungun, pada 24 hingga 26 Ogos lalu.

Pada hari ini, staf UiTM yang memasuki edisi kerjung itu kerisau diadakan selepas kali terakhir dilangsungkan di UiTM Sarawak pada Februari tahun lalu.

Setanak 13 acara dipertandingkan pada karnival termasuk bolas sepak, bolas sepak veteran, bola jaring, ping pong, tenis boling, bolas tampus, catur, bermotor, golf, sepatu sakur dan petanque.

Kehujung pengurusan Pertontonan Sukan dan Kebajikan Kakangan UiTM dengan kerjasama UiTM Terengganu itu bertujuan mengerakkan hidupan ukhuwah dalam kalangan staf seharusnya universiti berkenaan.

Selain itu, ia sebagai salah satu program dalam Program Pengembang Bantuan Pembangunan dan Pengembangan Sosial dan Kelembagaan Good 3, atau Good Health and Well-being.

Pengajianan karnival sukan itu juga menjadi median pemilihan kontingen UiTM ke Karnival Sukan Staf Universiti Awam Malaysia (Sukan) yang akan berlangsung pada 14 hingga 23 September ini.

Pada karnival tahun ini, hasil acara bolas tampus wanita, kampus UiTM Melaka mencapai sejaguh nombor dua selepas tewas ketika perlawanan akhir menentang kampus Negeri Sembilan.

Persentuhan mantap kontingen UiTM Melaka yang memenangi semua perlawanan kumpulan, suku akhir dan



AKSI salah seorang pemain bola tampus UiTM Melaka.

sejaguh akhir sebelum tewas dengan Negeri Sembilan di pertandingan matang set perlawanan dengan mata 23-25, 26-16, 6-11.

Kategori pasukan UiTM Melaka, Sarish Che Mat menambahkan pentingnya setiap pasukan bolas tampus lagi dapat peluang untuk bersaing di kertas akhir.

Katanya, kemerenangan itu mengulari kembidi pencapaian pada kejohanan dua tahun lalu di Sarawak apabila pasukan UiTM Melaka turut meraih perak.

Di sini, berbarang dengan prestasi semasa pemain bolas tampus tiada kembali pemain kelangsungan dalam pasukan itu.

"Saya berbangga dengan peningkatan prestasi pemain pasukan dan amat menghargai semangat dan komitmen yang telah ditunjukkan mereka."

"Kedua-dua pemain telah memperbaiki mutu permainan yang cukup baik sehingga memenangi semua perlawan di peringkat kumpulan, suku akhir dan separuh akhir."

"Walaupun tewas di pertandingan akhir, namun saya tetap bangga kerana pasukan telah bersaing dengan cemerlang sehingga ke set perlawanan."

"Akhirnya, terpaksa akhir dengan nasi lebur, bukanlah perkara besar."

Dalam pada itu, Sarish menyatakan harapan besar untuk kejohanan Karista 2023 yang akan diadakan di UiTM Pahang pada tahun depan.

"Saya berharap UiTM Melaka akan dapat meraih juara dari mengingati sejarah yang pernah dicapai pada 2016 di UiTM dan untuk kedua-dua kali di Pahang," ujarnya.

Malah persembahan Karista berlangsung di Dewan Aspirasi UiTM Terengganu dan disergamarkan Tunjungan Nasi Camion (DHEP) UiTM, Prof. Dr. Mohd. Saadil Shahid.

Semata tu, rektor UiTM Melaka, Prof. Madya Ts Dr. Mohd. Raadi Zaini berkata, pasukan bolas tampus wanita adalah juara dalam kejohanan Karista untuk meraih pingat di Terengganu.

"Alhamdulillah, reaksi meriah pingat perak tahun ini dan saya yakin pasukan bolas tampus wanita akan berusaha lebih keras lagi untuk edisi akan datang di Pahang."

"Saya mengucapkan tahniah kepada pasukan bolas tampus wanita yang berjaya dengan kemenangan atllet UiTM Melaka," ujarnya.

UiTM Melaka berjaya membawa pulang tiga pingat menerusi acara bolas tampus wanita pingat perak, dari (ganja) dan pertama (ganja).

Dr. Mohd. Raadi menyatakan, kepercaian tinggi yang diberikan kepada bursiran pertama meraih kunci kepada kejayaan UiTM Melaka pada hari ini...

Siaran Media -
05 September 2022

'Pemasaran sampah' eksplorasi wanita rentap nilai adab sopan

Siti Hajar Abd Aziz
dan Siti Nur Farrah
Faadiah Ab Ghani
UITM Melaka,
Kampus
Alor Gajah

Terdapat pelbagai kaedah pengiklanan digunakan untuk menarik perhatian awam. Ia bertunjuk kepada idea kreatif bagi memasarkan produk atau perkhidmatan sedekat mungkin dengan kumpulan sasaran.

Apatih lagi ketika ini, perkembangan teknologi komunikasi selain media massa menyebabkan tidak ada lagi istilah keterbatasan capaiannya kepada masyarakat.

Pengiklanan secara umum merupakan kepada suatu bentuk persemahan atau komunikasi yang kebiasaannya adalah berbayar dan tidak bersifat peribadi.

Ia ditujukan kepada kumpulan sasaran dengan tujuan untuk mempromosi, memperkenalkan dan meningkatkan atau melaraskan jualan sesuatu produk, perkhidmatan stiap idea oleh suatu penaja.

Walaupun kehadiran iklan sudah sebatas dengan kehidupan masyarakat, pertambahan aplikasi sosial popular seperti Instagram, Tiktok dan YouTube mendorong pengiklan menggunakan teknik kurang beretika dan menyimpang daripada norma masyarakat.

Ini termasuk memaparkan wanita secara tidak senonoh, antara lain memakai pakaian mencolok mata serta membuat gerakan berunsur lucu.

Timbul persoalan, adakah permasalahan ini perlu baharu yang dicetuskan susulan penggunaan media sosial secara berleluasa?

Hal ini sebenarnya sudah lama wujud di dalam kehidupan kita, seiringan dengan teori objektifikasi sosial yang dicetuskan oleh Fredrickson dan Roberts pada 1997.

Teori objektifikasi, satu cabang teori psikologi sosial ialah perlakuan yang melihat wanita sebagai suatu objek yang boleh diperkotak-katikkan me-

ngikut cita rasa pengiklanan.

Menurut teori ini, wanita dilayan seperti barang tanpa mengendahkan maruah ataupun kualiti diri mereka.

Wanita juga sering terlihat seperti alat yang menggunakan untuk digunakan oleh orang lain, barang-an boleh dimiliki, lantas menjadikan wanita tidak mempunyai autonomi ke atas diri mereka sendiri.

Pengiklan yang mengaplikasikan teori ini, dibentuk ahli akademik sebagai antuan objektifikasi (*objectification grooming*) secara tidak langsung menggalakkan kepada objektifikasi diri kepada seorang wanita.

Pengiklan yang mengaplikasikan teori ini, dibentuk ahli akademik sebagai antuan objektifikasi (*objectification grooming*) secara tidak langsung menggalakkan kepada objektifikasi diri kepada seorang wanita.

Kajian turut mendapati lelaki dan wanita menganggap wanita yang diperlakukan dengan unsur seksual mempunyai kekurangan kualiti komunitarian tertentu seperti kapasiti mental dan status moral.

Teknik pengiklanan yang berdasarkan video mudah tular ini turut disebut sebagai 'pemasaran sampah' yang bergantung kepada pembabitan pengguna termasuklah komen dan kecaman.

Ini ditambah pula dengan sebahagian pengasas atau pengusaha produk serta ejen jualan mereka yang berani berikan di akhir peribadi sendiri dengan pelbagai teknik luar biasa.

Ia tentu dengan harapan meraih kuasa tular dan dikongsikan semula mungkin.

Ironinya, walaupun video seperti ini mendapat hantaman ramal, kebanyakannya berjaya mencapai matlamat pemasaran walaupun bertentangan dengan etika dan moral.

Selain menerusi iklan, penyantunan objektifikasi berlaku menerusi lambakan visual di media sosial seperti video tutorial persolekan, gaya persalinan, malah turut terparap menerusi transformasi rupa, saiz dan bentuk badan.

Hasilnya, wanita menjadi sibuk dengan penampilan fizikal dan nilai seksual isu mereka kepada orang lain sehingga terputus kepentingan nilai seperti beriman, berada sopan, berbudi bahasa, cerdik, bertanggungjawab, penyayang, bermaruah dan berkeyakinan tinggi.

Dalam hal ini, penaja dan pengiklan seharusnya memitigasi maruah wanita serta berusaha memaparkan ciri-ciri positif yang tidak bertentangan dengan moral dan ajaran agama.

Mereka harus sedar bahawa menggambarkan wanita sebagai objek dalam pengiklanan menggalakkan isu moral yang lain seperti eksplorasi seksual, stereotip, gangguan seksual, maksiat dan tabarru.

Dalam hal sama, wanita seharusnya tahu hak mereka. Jangan terengah engah dengan objektifikasi seperti itu. Ia seolah-olah mereka menerima bahawa nilai seorang wanita itu terletak kepada kecantikan diri semata-mata.

Benar, wanita adalah ciptaan terindah dan sebaliknya perhiasan dunia. Jadi sewajarnya wanita menerima bahawa mereka mempunyai kelebihan menjaga maruah serta nama baik sesuai dengan kedudukan yang istimewa di sisi Allah.

Artikel Akhbar - Berita Harian
09 September 2022

**Siti Hajar Abd Aziz dan
Siti Nur Farrah Faadiah Ab Ghani**
Pensyarah Kanan
Fakulti Komunikasi & Pengajian Media
UiTM Cawangan Melaka

Trend bercuti ke Thailand, luar negara jejas nilai ringgit

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhlisuliman@mediasulia.com.my

PETALING JAYA: Trend bercuti ke luar negara menyaksikan lebih banyak aliran keluar mata wang Malaysia dibimbangi memberi kesan buruk dalam jangka masa panjang.

Hal itu didorong apabila ramai rakyat Malaysia berminat untuk kesempatan bercuti ke Thailand berbanding bercuti dalam negara.

Dalam keadaan nilai ringgit dibuka rendah berbanding dolar Amerika Syarikat (AS\$), ini bukanlah satu petanda baik selain 100 baht kini bernilai RM12.32, semakin rendah.

Berakap kepada *Mingguan Melayu*, Pensyarah Kanan Jabatan Ekonomi dan Kejuruan, Universiti Teknologi Petronas (UTP) Melaka, Dr. Mohamad Idham Md. Razak berkata, keadaan itu tidak baik untuk ekonomi negara jika proses pengalihan mata wang ke luar negera terus berlaku tanpa ada usaha menyelimbang antara kedua-dua aliran tunai berkenaan.

Meskipun tidak menyatakan nilai kerugian atau peratusan tertentu, beliau bagaimanapun berpendapat, “Pihak ada di tangan masing-masing, tetapi, dari sudut ekonomi kita yang akan rugi kerana duit banyak mengalir keluar.

Wang tunai sepatutnya ‘berkitar’ dalam negara dengan menggalakkan lebih banyak kegiatan pelancongan sekali gus meningkatkan ekonomi domestik.”

“Aliran keluar masuk, wang tunai mestil seimbang. Jadi, ker-



SETIAP kali cuti umum, pos sempadan Imigresen Malaysia-Thailand sesak dengan rakyat Malaysia yang ingin berkunjung ke Thailand. - MINGGUAN/IZLIZAN OTTHMAN

jan perlu mengadakan kompen mengekalkan leburan wirausaha dan atau negara yang bersempadan melancang ke Malaysia seperti mana rakyat kita sendiri melancang ke luar negara,” katanya.

Akhbar ini melaporkan, Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuantan (ICQ) dan stesen Kertajati Tanah Melayu (KTM) Berhad Padang Besar secara teruk berikutkan orang ramai mengambil kesempatan cuti Hari Malaysia kelmarin untuk ke Thailand.

Pengaruh Pusat Pengurusan

wang ini secara tidak langsung menggalakkan perniagaan dua bala dengan Thailand melalui pelancongan,” katanya.

Akhbar ini melaporkan, Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuantan (ICQ) dan stesen Kertajati Tanah Melayu (KTM) Berhad Padang Besar secara teruk berikutkan orang ramai mengambil kesempatan cuti Hari Malaysia kelmarin untuk ke Thailand.

Pengaruh Pusat Pengurusan

Artikel Akhbar - Mingguan Malaysia
18 September 2022

Dr. Mohamad Idham Md Razak
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan Perniagaan
UiTM Cawangan Melaka

Perkuuh perpaduan, kedaulatan Keluarga Malaysia

Oleh Shafezah Abdul Wahab
bhirencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan
Fakulti Komunikasi & Pengajaran Media,
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)
Cawangan Melaka

Cabar utama perpaduan

Justeru, cabaran utama perpaduan Keluarga Malaysia adalah bagaimana mengekalkan perpaduan rakyatnya. Rakyat tidak mempunyai pilihan lain kecuali bersatu untuk menjadikan negara ini aman, berintegrasi di peringkat wilayah dan antara kaum, hidup harmoni, bekerjasama, adil dan diidukung oleh satu bangsa mempunyai Kesetiaan kepada Raja dan Negara.

Namun, ancaman utama perpaduan kaum di Malaysia kini dilihat secara jelas akibat perbezaan ideologi politik sama ada daripada parti atau pemimpin parti politik itu sendiri. Perbalahan antara pemimpin politik di Malaysia menjadi punca ketidakstabilan rakyat di negara ini.

Suara lantang pemimpin politik mempertahankan ideologi dan kepentingan masing-masing dilihat seolah-olah tidak mempedulikan rakyat.

Dalam mendepani pelbagai isu berkaitan masalah perpaduan kaum di Malaysia lewat kebelakangan ini, tidak adil untuk menghukum negara ini atas kepercayaan masyarakat kita kian berpecah.

Perpaduan rakyat Malaysia amat jelas dalam aspek sosial. Kebersamaan ini dapat dilihat di tempat awam, kedai, restoran dan wartung. Bangsa Malaysia yang berlainan kaum dan budaya memiliki cita rasa sama. Roti canai, nasi lemak dan teh tarik tetap menjadi pilihan rakyat Malaysia.

Kesatuan ini juga dilihat kuat dalam agenda sukan yang mana seluruh bangsa Malaysia bersatu menyokong kontingen Malaysia dalam apa juga acara sukan. Trofi kemenangan dalam acara sukan menjadi ‘milik bersama’ rakyat Malaysia.

‘Tumpuan perlu diberi kepada kestabilan ekonomi dan pembangunan rakyat berbanding agenda politik kepartian’

Walaupun hakikatnya banyak usaha dilakukan kerajaan memperkuuhkan perpaduan rakyat, namun kepincangan politik hari ini secara tidak langsung menggugat keharmonian masyarakat Malaysia.

Justeru, menjadi tanggungjawab kepada pemimpin politik untuk berteges mempertahankan keadauan Keluarga Malaysia dalam memacu pemulihian semula negara ketika pasca COVID-19. Tumpuan perlu diberi kepada kestabilan ekonomi dan pembangunan rakyat berbanding agenda politik kepada negara.

Masih belum terlambat untuk pemimpin politik memperbaiki masalah perpaduan negara. Setiap pemimpin perlu ikhlas mendukung perjuangan ini bagi memastikan semangat nasionalis rakyat dapat dikukuhkan.

Tanggal 31 Ogos dan 16 September membuktikan seluruh rakyat mampu bersatu dan berpadu, memiliki semangat patriotisme dan nasional tinggi kepada negara.

Ironinya, semangat ini sepatutnya bukan hanya ditampilkan pada tarikh tertentu sahaja. Apa erti negara menyambut ulang tahun kemerdekaan dan penubuhannya jika rakyat serta pemimpin masih lagi punya syak wasangka sesama sendiri. Semua ini masalah pokok yang harus diselesaikan segera.

Kemerdekaan dikecapai hari ini bukan sekadar membebaskan kita daripada dijahat, sebaliknya rakyat perlu membebaskan pemikiran sendiri daripada keponpong perkramaian dan prejudis, tanpa mengorbankan asas agama diamuti serta kepercayaan dipegang.

Artikel Akhbar - Berita Harian
16 September 2022

Shafezah Abdul Wahab
Pensyarah Kanan
Fakulti Komunikasi Pengajaran Media
UiTM Cawangan Melaka

Waspada kartun animasi ada unsur LGBT



Oleh Prof Madya Dr Azahar Harun
bhrencana@uitm.edu.my

Pensyarah Kanan
Public Art Creative
Aesthetic & Quality
(PACAQ), Kolej
Pengajian Seni
Kreatif, Universiti
Teknologi MARA
(UiTM) Melaka

Kartun animasi itu secara tidak langsung melahirkan kumpulan penggiat seni animasi dan studio animasi komersial pada era 1990-an seperti *Usop Sontorian*, *Kluang Man*, *Yokies, Anak-Anak Sidek* dan *Kampung Boy*.

Malah, ia bertambah matang terutama dari aspek kreativiti dan teknologi hingga mewujudkan studi produksi animasi berkualiti tinggi setaraf produksi dari luar negara.

Namun kebelakangan ini, muncul isu kontroversi boleh memberikan imej salah kepada penonton terutama kanak-kanak. Pada tahun ini, Disney Studio menerbitkan filem animasi, *Lightyear*.

Filem diilhamkan daripada watak dalam *Toy Story*, Buzz Lightyear itu, menjadi polemik dalam kalangan pengkritik filem kerana membabitkan ba-

bak ciuman antara dua watak wanita.

Meskipun durasinya kurang 5 saat, ia menimbulkan ketidaksesuaian terutama masyarakat Timur hingga diharapkan di 14 negara termasuk di Asia Barat dan China.

Sebagai gergasi produksi animasi, Disney mempunyai pengaruh kuat dan menjadi rujukan banyak studio animasi. Sebelum ini, boleh dikatakan hampir semua kartun animasi Disney mempunyai mesej kehidupan meninggalkan kesan emosi kepada penonton.

Beberapa filem animasi seperti *Lion King* pada 1994; *Finding Nemo* (2003); *Big Hero 6* (2014) dan *Inside Out* (2015) bukan sekadar hiburan, bahkan sarat nilai moral, etika serta falsafah hidup.

Justeru, apakah rasional ideologi lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) diselitkan dalam kartun animasi? Adakah gimik atau strategi pemasaran menarik perhatian penonton?

Bimbang jadi trend

Apa yang kita dapat dibaca, Disney secara terang-terangan menyatakan sokongan kepada perjuangan LGBT. Disney dikatakan agak ‘berat hati’ awalnya untuk membenarkan babik itu.

Namun, Pengaruhnya, Angus MacLane memberikan justifikasi keshinambungan babik itu sangat penting dalam plot *Lightyear* hingga dikekalkan.

Tindakan Disney itu dibimbangi bakal menjadi

trend dalam produksi kartun animasi seperti yang dapat dilihat dalam penghasilan siri kartun animasi popular, *Peppa Pig*.

Peppa Pig diklasifikasi rancangan animasi pendidikan prasekolah, memperkenalkan gaya ringkas, dialog mudah difahami dan disasarkan kepada kanak-kanak prasekolah.

Dalam episod terbarunya, *Families*, ia dimasukkan elemen LGBT apabila watak *Penny Polar Bear* memperkenalkan *Peppa Pig* kepada dua ‘ibunya’ bekerja sebagai doktor dan chef.

Walaupun watak LGBT dalam *Peppa Pig* tidak menyerupai manusia, ia akan mewujudkan rasa ingin tahu dalam diri kanak-kanak. Apakah reaksi ibu bapa sekiranya ditanya anak mereka mengenal perkawinan pasangan sejenis?

Melihat perkembangan terkini itu, agensi seperti Lembahta Penapisan Filem (LPPF) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) harus mengkaji semula sistem rating diberikan kepada kartun animasi membawa unsur LGBT.

Penerbit kartun animasi tempatan juga bertanggungjawab menghasilkan kandungan cerita boleh mendidik kanak-kanak mengikut norma masyarakat tempatan dan menolak ideologi bertentangan dengan akhlak serta jati diri Muslim.

Penerangan perlu difokuskan kepada pembangunan kanak-kanak prasekolah dengan mempelbagaikan lagi rancangan kartun animasi tempatan.

Prof. Madya Dr. Azahar Harun

Pensyarah Kanan
Fakulti Seni Lukis Seni Reka
UiTM Cawangan Melaka

Artikel Akhbar - Berita Harian
19 September 2022

Kreatif guna media sosial gilap bakat usahawan

Ilinadia Jamil,
UITM Kampus
Alor Gajah

Pada awal kemunculan media sosial misalnya aplikasi TikTok, pengguna lebih terdedah dengan kandungan berbentuk hiburan yang dikaitkan dengan budaya hedonisme.

Namun, selari dengan pertubuhan semasa, pengguna lebih bijak dan kreatif dalam menghasilkan kandungan lebih berilham dan bermanfaat.

Applikasi itu antara yang banyak digunakan di seluruh dunia dengan rekod 689 pengguna setakat Januari tahun ini. Susulan itu ia tidak lagi menjadi medium hiburan semata-mata, sebaliknya digunakan bagi menjana pendapatan.

Disebabkan itu, pengguna dilihat semakin kreatif. Antaranya menghasilkan pelbagai video pendek yang berpotensi meningkatkan jumlah tontonan. Ia secara tidak langsung menambahkan pengikut. Hal ini meningkatkan rating pengguna, malah penonton yang teruja turut memberi hadiah maya sebagai tanda sokongan.

Semua itu menjadikan aplikasi berkenaan jadi laman-sarana menarik minat generasi muda menambah ilmu, sekali gus pemangkin untuk mereka mula berjirik ke arah keusahawanan digital dan penjenamaan kendiri.

Antara pengguna aplikasi ini yang meraih perhatian umum termasuk Ume Cikin atau nama sebenarnya Ume Nur Ashikien M Azhar. Beliau seorang usahawan acar ikan masin yang juga graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan Robotik dan Automasi, Universiti Teknikal Malaysia, Melaka.

Beliau meraih populariti dengan berkongsi video maskakan dan kehidupan harianya dengan penceritaan bersahaja dan kelakar. Penampilannya yang bersahaja dengan memakai kemeja kotak tanpa perlu tergedik atau membuat kandungan murahan menarik minat ramai penonton dari pelbagai lapisan umur.

Jana pendapatan melalui TikTok

Secara tidak langsung, beliau mampu meraih pelbagai sumber pendapatan, iaitu melalui aplikasi TikTok sebagai pencipta kandungan dan usahawan acar ikan masin.

Begini juga dengan pengguna Sir Ladang atau nama sebenarnya Ridzuan Khalid. Beliau pensyarah


bidang perhotelan di Kolej Komuniti Rompin yang aktif berkongsi ilmu mengenai bidang perternakan lembu. Hasil perkongsian video di aplikasi berkenaan, beliau banyak memberi inspirasi kepada generasi muda untuk menceburkan diri dalam bidang perternakan lembu sebagai satu cabang keusahawanan.

Usaha beliau ini ternyata mengubah persepsi dan membuka mata orang ramai khususnya generasi muda untuk menceburu kerjaya yang dianggap tidak glamor ini.

Dua contoh ini memperlihatkan perubahan medium pendidikan selaras pembangunan teknologi semasa adalah sangat penting bagi menarik minat generasi muda untuk mendalami ilmu pengetahuan dan menceburu bidang keusahawanan digital.

Ia juga menjadikan aplikasi itu menjadi platform bagi kepelbagaian kandungan yang mampu menarik semua lapisan masyarakat. Jika dulu ia menjadi sindiran dan dijelaskan sebagai ‘platform hiburan yang sia-sia’, namun kini boleh dijadikan medan pendidikan dan keusahawanan.

Malah, ia lebih selamat digunakan dengan adanya teknologi algoritma yang mampu mengesan dan menapis segala isi kandungan video jika ia melanggar termasuk dengan unsur eksplotasi terhadap kanak-kanak, ancaman, kekejaman atau kandungan lucuah. Semua ini memperjelaskan mengapa ia menjadi aplikasi paling disukai.



Ilinadia Jamil
Pensyarah
Fakulti Seni Lukis Seni Reka
UiTM Cawangan Melaka

Artikel Akhbar - Berita Harian
22 September 2022

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

Diterbitkan oleh:



eISSN 2785-8049

